

## Belia dan Sosialisasi: Tingkahlaku Relatif dan Perspektif Terhadap Media Baru

KARTINI ABOO TALIB @ KHALID  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

NORSHUHADA SHIRATUDDIN  
SHAHIZAN HASSAN  
ZAINATUL SHUHaida ABDUL RAHMAN  
NURUL LABANIHUDA ABDUL RAHMAN  
*Universiti Utara Malaysia*

### ABSTRAK

Artikel ini mengupas isu belia terpinggir dan proses sosialisasi yang menghasilkan tingkahlaku dan perspektif relatif belia semasa berhadapan dengan media baru. Revolusi 4.0 yang dibahas oleh Klaus Schwab menganalisis bagaimana kemajuan teknologi dan masyarakat boleh saling hidup bersama-sama kerana kepantasan kemajuan teknologi ini mendesak masyarakat berubah dari segi saiz, kelajuan dan skop. Persoalannya adakah belia dan proses sosialisasi yang berbeza dan pelbagai berupaya menyediakan golongan belia dengan cabaran revolusi teknologi dan penggunaan media baru? Potensi kebaikan dan keburukan dilihat seimbang dan proses konstruksi sosial diperlukan sebagai persediaan menjadikan belia lebih celik teknologi serta berintegriti dalam melakukan urusan harian dan kepenggunaan media baru. Teori 'relational', teori tingkah laku relatif dan konsep sosialisasi digunakan dalam menilai tingkahlaku belia terpinggir di beberapa kawasan luar bandar dan bandar. Teknik temubual kumpulan fokus bersama lima kumpulan belia terpinggir telah dijalankan dengan penyertaan sukarela responden dan pemilihan sampel bertujuan dilakukan dalam memilih belia lingkungan usia 15 hingga 24 tahun. Hasil kajian menunjukkan corak tingkahlaku belia terpinggir yang skeptikal terhadap penggunaan media baru. Penjelasan kepada sikap relatif ini adalah disebabkan proses sosialisasi, kelas, *spatial*, pendedahan dan tahap pendidikan yang menjadikan tingkah laku dan perspektif belia terpinggir berbeza dengan konsep Barat mengenai belia.

**Kata kunci:** *Revolusi, media baru, belia, sosialisasi, pemerksaan.*

## Youth and Socialisation: Relative Behavior and Perspective Towards New Media

### ABSTRACT

This article examines marginalized youth and socialization process that result in relative behavior and perspective towards new media. Revolution 4.0 argues by Klaus Schwab analyzes that how rapid technological changes and society can coexist because the technology revolution demands the society to change in term of size, speed and scope. The question is, how youth with different socialization process would be prepared to face this technology revolution cum the utilization of social media? The changes are profound with full of promises but it also carries potential perils. The social construction process is needed to groom the marginalized youth to be technology savvy using social media on a daily basis. The relational theory, relativity behavior theory, socialization and social construction concept are

applied to evaluate marginalized youths based on the five focus groups interviewed. Youths participations are voluntarily basis and samples are selected purposively among the youths of the age range between 15 to 24 years old. The results show that marginalized youths are skeptical towards new media and the explanation to such responses are socialization process, class, spatial, exposure and level of education are factors that triggered marginalized youths to be relationally different in their behavior and perspective from the Western concept of youth.

**Keywords:** *Revolution, new media, youth, socialization, empowerment.*

## PENGENALAN

Maklumbalas belia terhadap media dan isu semasa adalah unik dan berbeza. Perbezaan ini boleh diandaikan atas beberapa sebab seperti proses sosialisasi, pendidikan, agama, budaya, etnisiti, pengaruh rakan sebaya, ideologi dan sebagainya. Namun kriteria belia dilihat berkongsi banyak perkara yang sama disebabkan globalisasi yang memudahkan golongan belia menyerap segala informasi maya tanpa sempadan seperti genre muzik, rangkaian makanan segera seperti *McDonald, KFC, Pizza Hut, A&W*, bahasa interaksi belia dalam *Whatsapp, FB, Twitter*, dll. Tambahan lagi andaian ini ada benarnya bagi masyarakat yang homogen dari segi pendidikan, budaya, etnisiti, kemajuan setara dari segi teknologi, pendapatan perkapita yang setara dari segi pembahagian kekayaan dan sumber. Walau bagaimanapun, andaian ini sukar untuk diseragamkan jika masyarakatnya terdiri daripada etnik pelbagai kaum, agama dan budaya, mempunyai tahap pendidikan, kadar kemiskinan, dan taburan pendapatan per kapita yang berbeza mengikut kawasan dan negeri.

Artikel ini mencabar pandangan Martin (2005) dan Geyzel (2009) yang mengandaikan bahawa belia dalam konteks Barat dan serba maju mempunyai kemahiran internet, sendiri, daya keusahawanan, berpendidikan, dan berkeyakinan. Namun begitu, faktor *relational* dan relativiti mahu diketengahkan sebagai sebab utama belia terpinggir atau *marginalized youths* di kawasan luar bandar mempunyai maklum balas dan perspektif yang berbeza terhadap media baru dan penggunaannya. Faktor *relational* dan relativiti ini diperhatikan dalam kajian empirikal di beberapa kawasan luar bandar untuk menggambarkan kepekanaan belia dalam penggunaan media sosial dan teknologi *smart phone* untuk menjadi kewartawanan warga dari kalangan orang biasa yang tidak mempunyai sijil kemahiran kewartawanan yang diiktiraf oleh institusi. Namun begitu semangat belia harus dibimbing dan program pemeraksanaan adalah intervensi yang amat diperlukan bagi merealisasikan transformasi belia terpinggir.

## TEMU BUAL KUMPULAN FOKUS

Kaedah yang telah digunakan bagi penyelidikan ini ialah temubual kumpulan fokus terdiri daripada belia berusia 15 tahun ke 24 tahun yang secara sukarela bersetuju menyertai kajian mengenai belia. Pemilihan sampel secara bertujuan adalah bersesuaian dengan matlamat kajian yang mengkaji belia yang terpinggir. Kesemua belia yang terlibat adalah pemaustautin di kawasan luar bandar, kawasan perumahan yang dikenal pasti sebagai tumpuan golongan miskin bandar, dan kawasan perancangan Felda. Menurut Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi 2014, Sabah mencatat bacaan kemiskinan tertinggi dengan 25%, diikuti Kelantan (15%) dan Baling (12%). Beberapa negeri dan kawasan yang terlibat ialah di

Felda Taib Andak di Johor; Baling di Kedah; Pasir Putih di Kelantan; Subang di Selangor, dan Tawau di Sabah. Dalam setiap satu sesi temubual kumpulan fokus, terdapat 8 hingga 12 orang belia yang terlibat. Jumlah keseluruhan belia yang terlibat dalam sesi temubual kumpulan fokus ini ialah 51 orang. Set soalan yang disediakan adalah konsisten dalam setiap sesi, soalan yang dibina bersifat struktur dan teknik 'probing' dalam sesi temubual digalakkan untuk mendapatkan pandangan yang unik dan kreatif. Kelima-lima sesi yang telah dijalankan menonjolkan beberapa elemen persamaan dan pengulangan yang menarik untuk dipaparkan dalam menilai perspektif belia terpinggir mengenai media baru.

#### PERBAHASAN KONSEP DAN APLIKASI

##### *i. Revolusi dan Teknologi Maklumat*

Istilah kewartawanan warga begitu merancakkan senario politik dunia apabila rakyat biasa menggunakan teknologi telefon pintar masing-masing untuk merakam dan memuat naik peristiwa kematian Muammar Gaddafi ke media sosial seperti *YouTube* dan *Facebook* (Stork 2011, hlm.7). Mereka telah berjaya memudahcara bagi pengguna internet menonton secara terus video yang dirakam secara peribadi oleh orang awam. Sumber maklumat kewartawanan kini sudah boleh dilakukan oleh orang kebanyakan dan platform seperti *YouTube*, *Twitter*, *Facebook*, blog kini menjadi media arus perdana yang digunakan oleh pengguna internet. Kewartawanan warga ini merupakan revolusi teknologi maklumat yang mencipta ruang kebebasan individu untuk melapor dan berkongsi maklumat kepada masyarakat global. Maklumat tanpa sempadan ini terhutang budi dengan reformasi dan revolusi industri yang berlaku dalam beberapa fasa.

Fasa revolusi industri pertama berlaku pada era 1750-1850 dan ini merupakan revolusi budaya yang mengubah ekonomi daripada pertanian tradisi kepada komersil dan industri, sistem buruh manual kepada sistem pengilangan termasuk pengenalan mesin dan sumber tenaga, dan perkembangan pengangkutan. Fokus masyarakat turut berubah iaitu penghijrahan luar bandar ke bandar untuk bekerja di kilang. Revolusi Industri bermula di Britain dengan beberapa siri inovasi yang meningkatkan kuantiti pengeluaran produk barangan pengguna. Kilang pembuatan tumbuh bagai cendawan dengan pengambilan tenaga buruh pekerja dan pengenalan mesin bagi mempercepat kapasiti pengeluaran. Selain perubahan skala pengeluaran secara besar-besaran, turut berlaku perkembangan bandar, pertambahan kilang, dan guna tenaga buruh yang besar. Revolusi yang membawa perubahan pantas menyebabkan proses perbandaran pesat dan tidak teratur, kilang tumbuh di celah-celah kawasan perumahan, pekerja bekerja dengan masa yang panjang tanpa ada jaminan keselamatan (contohnya pencen dan kesihatan). Kawasan Perumahan menjadi sesak dengan manusia yang berhijrah dari luar bandar ke bandar, sistem kumbahan yang tidak tersusun kerana lambakan manusia yang datang secara beramai dan tiba-tiba, masalah penyakit, dan kenaikan kadar jenayah rambang juga adalah impak secara tidak langsung revolusi industri ini.

Fasa revolusi industri kedua (1870-1914) mempercepatkan lagi teknologi mesin yang direka pada revolusi industri pertama. Menurut Mokyr (1998) himpunan nilai tambah ilmu sains telah membolehkan industri pengeluaran dan perkilangan diwujudkan dengan skala besar. Pertumbuhan ekonomi dan pendapatan negara kapitalis dipacu dengan begitu mendadak. Syarikat-syarikat gergasi seperti Carnegie Steel, Dupont, Ford Motors, General Electric di

Amerika Syarikat dan Eropah berkembang pesat dan membawa teknologi pengeluaran yang lebih sistematik. Kombinasi teknologi dan bekalan tenaga elektrik ini membolehkan sistem pengangkutan keretapi, sistem perhubungan telegraf dan telefon digunapakai untuk mempercepatkan kordinasi pasaran bebas dan kekuatan ini turut menyumbang kepada kekuatan koloni untuk mengawal sumber bahan mentah, gas, minyak, getah, aluminium, besi, rempah ratus dan sebagainya.

Rifkin (2011, 2014) berpendapat revolusi industri ketiga dilihat bermula pada abad-21 yang melakarkan bahawa sumber tenaga dan teknologi komunikasi bertindak sederap membawa perubahan drastik dan dramatik. Harga sumber tenaga petroleum dan gas yang semakin terhad dan mahal mendesak manusia menjadi lebih inovatif. Maka, menerusi revolusi industri ketiga ini, sumber tenaga alternatif dengan pelbagai lagi persaingan sumber tenaga boleh diperbaharui atau *renewable energy* diperkenalkan. Tambahan lagi, teknologi komunikasi melalui internet berupaya menghubungkan manusia, mesin, sumber alam, logistik, aliran kepenggunaan, kitar semula, dan sebagainya dalam pelbagai *mode*. Transformasi ini turut menghasilkan kesan sampingan terhadap identiti, kebebasan dan hak asasi, pola dan tren mengundi, pasaran dan pengguna, pencemaran alam sekitar, teknologi hijau, dan sebagainya. McAllum (2014, hlm. 5-6) melihat perubahan zaman mekanistik ini kepada masyarakat kolaboratif atas kekuatan internet tidak seharusnya mengandaikan bahawa perkongsian kolaboratif ini menghasilkan manusia yang kelihatannya serupa tetapi sebenarnya kemajuan internet mencipta kepelbagaian yang berbeza tahap dan lapisan.

Fasa revolusi Industri Keempat membawa perbincangan Schwab (2017) dalam menilai impak kemajuan teknologi *smart phone* atau telefon pintar yang menjadikan semua keputusan individu ibarat berada di hujung jari. Kemajuan *Artificial Intelligence (AI)*, robotics, internet, *autonomous vehicle*, percetakan 3D, teknologi nano, bioteknologi, sel stem, sumber tenaga keterbaharuan, dan sebagainya bergerak begitu meluas dalam menggabungkan teknologi dengan fizikal, digital dan biologi dunia. Kepintaran teknologi berpengaruh mengubah tingkah laku manusia, sistem pengeluaran dan kepenggunaan, dan memberi cadangan mekanisme untuk kelestarian dunia dan kehidupan, berbanding mencipta kos dan kerosakan alam semata-mata seperti kesan revolusi industri sebelumnya. Revolusi 4.0 ini lebih kepada penglibatan dan tanggungjawab kolektif untuk merungkai kemaslahatan jaringan hubungan manusia merentas pentas global. Tambahan lagi Revolusi 4.0 ini menggalakkan manusia untuk bertanggungjawab memainkan peranan mengawal kemajuan teknologi merentasi geografi, sektor dan disiplin bagi kepentingan kolektif manusia dan alam. Teknologi harus dilihat sebagai '*tool made by people for people*' dan manusia mempunyai kuasa untuk mengawalnya (Schwab, 2017, hlm.5).

Melihat kepada fasa-fasa revolusi ini, kemajuan teknologi maklumat menambah keupayaan manusia untuk berhubung dan bertindak berdasarkan info terkini. Masyarakat maklumat merupakan ciptaan teknologi yang mendesak manusia menjadi lebih peka dan efisien. Andaian bahawa kemajuan teknologi maklumat merapatkan jurang pemikiran manusia dan membolehkan tanggungjawab kolektif difahami dalam bahasa dan interpretasi yang hampir sama. Seiring dengan Anderson (2006) dalam konsep *imagined community* menerusi *print capitalism* mengandaikan bahawa teknologi mencetak maklumat membolehkan informasi disebar luas ke segenap lapisan masyarakat yang akhirnya membolehkan masyarakat berkongsi imaginasi dan cita-cita yang sama. Andaian ini dilihat benar dalam sejarah Eropah ketika

kejatuhan kerajaan monarki dari satu negara ke satu negara seluruh Eropah dan digantikan dengan kerajaan demokrasi oleh rakyat hasil daripada maklumat bercetak yang mewar-warkan aspirasi yang sama iaitu idea nasionalisme, kesetaraan hak dan pembahagian kekayaan yang lebih adil kepada rakyat.

Sintesis revolusi industri terutamanya teknologi maklumat yang canggih membolehkan rangkaian pemikiran masyarakat berkongsi pandangan dan citarasa yang hampir sama. Perkara ini dinyatakan oleh Martin (2005) dan Geyzel (2009) yang menyenaraikan kriteria Generasi Y mempunyai persamaan dari segi kemahiran internet, sendiri, daya usahawan, berpendidikan, dan berkeyakinan disebabkan sekitaran yang lebih pelbagai, generasi yang berkendiri kerana kadar perceraian ibubapa yang tinggi dan anak-anak telah terdedah kepada sifat mandiri sepanjang proses pembesaran dan sosialisasi, berfikiran optimis dari segi keselamatan pekerjaan dan pemilikan harta atau kewangan, bidang pekerjaan yang lebih rencam dengan profesionalisme yang berbeza. Senarai kriteria ini mungkin benar di Barat, tetapi secara relatif ianya mempunyai perbezaan dalam melihat generasi belia di negara-negara lain, terutamanya di Malaysia. Tambahan lagi, konstruksi sosial, kelas, spatial, tahap pendidikan dan pendedahan menunjukkan perbezaan pandangan golongan belia terpinggir dalam penggunaan dan kemajuan teknologi.

ii. *Konsep Tingkahlaku dan Belia*

*Relational Theory* menurut Wyn & White (1997) merujuk golongan belia dalam konsep '*relational*' kerana mereka ini wujud dalam konteks hubungan dan proses kearah kedewasaan. Perjalanan usia kanak-kanak, remaja ke peringkat dewasa melibatkan rangkaian proses yang memerlukan panduan, nasihat dan sokongan daripada golongan dewasa agar proses kedewasaan ini diurus dengan betul. Dalam konteks ini, *relation of power* atau hubungan kuasa dalam proses kedewasaan berlaku dalam usaha mengkonstruksi belia. Cabaran untuk mewujudkan keseimbangan fizikal dan mental sering terjadi di kalangan belia dan konstruksi sosial ini dilakukan melalui institusi (keluarga, sekolah, persatuan, pusat pengajian tinggi, dan lain-lain) dan pertimbangan rasional individu belia itu sendiri sama ada mahu atau tidak untuk turut serta. Misalnya, kajian belia wanita di Belanda (Buchner et al., 1995) dan Jerman (Heinz, 2000) memperlihatkan bahawa walaupun belia wanita menyedari potensi pendidikan sebagai saluran untuk mencapai hak setara dengan lelaki, belia wanita ini masih terus membuat keputusan tentang masa depan mereka berdasarkan pemerhatian realiti bahawa ketidaksetaraan gender masih menghadkan potensi dan peluang mereka.

Sementara itu, konsep *emotional relativity* (Mayer et al., 2001) menyatakan bahawa keupayaan berfikir membangun bersama usia dan pengalaman. Pengalaman emosi oleh dua individu memberi tindak balas berbeza kepada peristiwa yang sama kerana faktor pengalaman dan ketahanan individu adalah berbeza. Pengalaman ini membentuk personaliti golongan belia yang berbeza antara mereka yang tinggal dan dibesarkan di bandar berbanding dengan di luar bandar. Proses sosialisasi yang menghasilkan pengalaman berbeza golongan belia terpinggir menjadi sebab kepada maklum balas berbeza mereka terhadap penggunaan media sosial.

Justeru itu, walaupun andaian bahawa golongan belia berkongsi persamaan disebabkan berada dalam konteks lingkungan usia remaja, tetapi faktor sosial, ekonomi dan budaya adalah jauh berbeza. Faktor sosial misalnya peranan institusi yang bertindak mempengaruhi dan

melentur proses keremajaan belia menunjukkan impak berbeza. Sekolah di felda atau di kawasan pedalaman tidak secanggih sekolah di bandar dengan kemudahan komputer, perpustakaan, dan peruntukan dana yang lebih berdasarkan pencapaian prestasi semasa sekolah. Keadaan ini memungkinkan belia terpinggir di kawasan perancangan felda atau di luar bandar mempunyai persepsi berbeza terhadap manifestasi media massa dan penggunaan teknologi komunikasi moden.

#### KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Definisi belia menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ialah golongan yang berada dalam kelompok usia 15 hingga 24 tahun. Namun begitu, badan dunia ini mengakui bahawa selain interpretasi statistik, ia maklum bahawa dalam setiap masyarakat di dunia ini, istilah belia mempunyai variasi yang berbeza mengikut konteks tempatan. Beberapa entiti dalam badan dunia ini turut mempunyai definisi yang pelbagai mengenai belia. Jadual 1 di bawah meringkaskan perkara berikut:

Jadual 1: Perbezaan variasi belia mengikut konteks badan dunia.

Entiti/Organisasi	Umur	Rujukan
Sekretariat UN/ UNESCO/ ILO	15-24 tahun	UN Instrumen & Statistik
UN Habitat (Youth Fund)	15-32 tahun	Agenda 21
UNICEF/WHO/UNFPA	<ul style="list-style-type: none"><li>• 10-19 tahun (remaja/<i>adolescent</i>)</li><li>• 10-24 tahun (orang muda/<i>young people</i>)</li><li>• 15-24 tahun (belia/<i>youth</i>)</li></ul>	UNFPA
UNICEF/ Konvesyen Antarabangsa Hak Asasi Kanak-Kanak	Kanak-kanak hingga usia 18 tahun	UNICEF
Piagam Belia Afrika (The African Youth Charter)	15-35 tahun	African Union

Sumber: United Nation. (1981). *Definition of Youth*. Diperolehi dari <http://www.un.org/esa/socdev/documents/youth/fact-sheets/youth-definition.pdf>

Sulaiman et al. (2018, hlm. 2-3) menyatakan bahawa Kementerian Belia dan Sukan Malaysia menggunakan definisi belia dalam kohot umur 15 hingga 40 tahun, Singapura (15-29 tahun), China (15-28 tahun), Australia (15-25 tahun) dan India (15-35 tahun). Maksud definisi kohot usia yang berbeza mengikut konteks negara tidak menghalang kebanyakan negara bersetuju kepada pandangan bahawa belia adalah aset berharga untuk masa depan negara.

Sementara Ganesan (2012) merujuk generasi Y sebagai generasi *nexter*, *echo boomers*, dan internet. Javelin Strategy & Research (2011) menggariskan kategori jarak usia 20 tahun sebagai interval membezakan era *baby boomers* (1945-1965), Generasi X (1961-1981) dan Generasi Y adalah mereka yang berada dalam *cohort* usia antara 18 hingga 38 tahun, iaitu bermula daripada kelahiran 1979-1999. Populasi generasi dalam kohot usia 15-29 tahun di Malaysia menunjukkan peningkatan daripada 5.6 juta pada tahun 1999 kepada 6.9 juta pada tahun 2009 (US Census Bureau, 2009).

Rozmi (2007) dan Samsudin (1995) menyatakan bahawa profil belia berisiko adalah mereka yang datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah, dalam lingkungan usia 15-25 tahun, mudah dipengaruhi gejala negatif serta berdepan dengan kesukaran hidup yang kurang memuaskan. Belia dari golongan ini juga mempunyai aspirasi yang rendah, beremosi dan kurang menjaga harga diri kerana ketiadaan bimbingan dan aktiviti yang dapat membimbing mereka. Menurut Indeks Belia Malaysia (2015), kira-kira 13.9 juga daripada 30.3 juta penduduk Malaysia adalah golongan belia di bawah umur 15-30 tahun. Indeks ini juga menunjukkan bahawa hanya 10.55% belia berisiko melakukan kesalahan sementara 89.45% belia adalah bebas daripada tingkahlaku delinkuen.

Selain itu penyelidikan lain mengenai belia ialah kajian mengenai kumpulan berisiko dan penggunaan media sebagai alat pemerksaan telah dibincangkan dalam konteks gender (Norsiah et al., 2016) dan penilaian belia luar bandar dalam konteks kesinambungan kehidupan mengikut acuan model Pentagon yang melihat beberapa aspek iaitu modal insan, modal sosial, modal asasi, modal fizikal dan kewangan, dan modal budaya telah dijalankan di Malaysia (Sulaiman et al., 2018). Namun begitu perbincangan mengenai kumpulan belia terpinggir dan respons terhadap penggunaan media menggunakan teori *relational* masih belum ada. Bertepatan dengan indikator yang dinyatakan dalam teori *relational* iaitu tingkah laku remaja adalah berbeza dan dipengaruhi oleh faktor setempat, proses sosialisasi, pendidikan, kelas, pendedahan maka maklumbalas remaja terpinggir terhadap beberapa soalan dalam temubual kumpulan fokus memperlihatkan perbezaan secara relatif akan makna penggunaan media sosial berbanding dengan beberapa kriteria yang ditonjolkan dalam andaian Martin (2005) dan Geyzel (2009) mengenai Generasi Y dan kemahiran internet, semangat sendiri, daya usahawan, berkeyakinan, optimis dan sebagainya.

#### Paparan 1: Apakah yang dicari ketika melayari internet?

Bil.	Kumpulan Fokus	Maklum balas
1	Felda Taib Andak, Johor	<i>Facebook, YouTube</i> – video lawak, Blog, info tentang sukan kegemaran (bola sepak), maklumat tentang pekerjaan, berita semasa
2	Baling, Kedah	<i>Facebook</i> , hiburan, SPA (isi borang), JobMalaysia
3	Pasir Putih, Kelantan	<i>Facebook</i> , Akhbar dalam talian, k-pop dan hiburan,
4	Subang, Selangor	<i>Facebook, Twitter, Instagram, messenger</i> - tentang artis, berita dunia, harga barang, dan isu semasa
5	Tawau, Sabah	<i>Facebook</i> , gossip, maklumat pekerjaan, dan tempat sambung belajar, aktiviti berdakwah dan keagamaan

#### Paparan 2: Apakah pandangan mengenai penggunaan media sosial?

Bil	Kumpulan Fokus	Maklum balas
1	Felda Taib Andak, Johor	Hiburan dan mendengar lagu
2	Baling, Kedah	Ruang untuk 'release tension'
3	Pasir Putih, Kelantan	Pentas hiburan dan interaksi dengan kenalan
4	Subang, Selangor	Sumber maklumat, hiburan, dan isu semasa

---

5	Tawau, Sabah	Berhubung dengan rakan dan keluarga yang jauh, berkenalan dengan rakan luar negara, permainan dalam talian, hiburan, bergosip, dan aktiviti keagamaan
---	--------------	---

---

Paparan 3: Pernahkah mencuba menghasilkan video rakaman sendiri?

---

Bil.	Kumpulan Fokus	Maklum balas
1	Felda Taib Andak, Johor	Tidak pernah
2	Baling, Kedah	Tidak pernah
3	Pasir Putih, Kelantan	Tidak pernah kerana belum pernah mencuba
4	Subang, Selangor	Tidak pernah tetapi amat berminat untuk mencuba
5	Tawau, Sabah	Pernah tetapi tidak upload kedalam internet kerana tempoh masa loading yang lama dan capaian internet kurang baik

---

Paparan 4: Pernahkah anda melihat Web TV/Web Radio?

---

Bil.	Kumpulan Fokus	Maklum balas
1	Felda Taib Andak, Johor	Belum pernah
2	Baling, Kedah	Tak pernah
3	Pasir Putih, Kelantan	Tahu tetapi kurang faham bagaimana proses web tv berlaku
4	Subang, Selangor	Tak pernah dengar web tv tetapi biasa dengar lagu dalam web radio
5	Tawau, Sabah	Pernah dengar tetapi belum pernah cuba menonton; tidak tahu cara untuk sign in web TV

---

Paparan 5: Jika diberi peluang menjadi wartawan warga (*citizen journalism*), apakah isu yang ingin dipaparkan dalam Web TV?

---

Bil.	Kumpulan Fokus	Maklum balas
1	Felda Taib Andak, Johor	Masalah remaja; dadah dan jenayah; kehidupan mat rempit
2	Baling, Kedah	Kes penagih; rompak dan rempit; pergaulan bebas
3	Pasir Putih, Kelantan	Suara belia; banjir; harga barang dan GST
4	Subang, Selangor	Salah guna dadah; ragut; buli; rasuah; bakat belia
5	Tawau, Sabah	Dadah; kebersihan dan pencemaran; pergaulan bebas

---

#### ANALISIS DAPATAN

Kembali kepada hujah Martin (2005) dan Geyzel (2009) yang menyenaraikan kriteria Generasi Y (umur 18-38 tahun yang dilahirkan dalam era tahun 1979-1999) mempunyai persamaan dari segi kemahiran internet, sendiri, daya usahawan, berpendidikan, dan berkeyakinan disebabkan sekitaran yang lebih pelbagai, berfikiran optimis, proaktif untuk mencuba bidang profesionalisme yang berbeza. Namun begitu faktor-faktor yang diperoleh hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa indikator seperti konstruksi sosial, kelas, spatial, tahap pendidikan dan pendedahan sekitaran menunjukkan perbezaan pandangan Generasi Y di luar negara dengan Generasi Y yang berada di Malaysia.



Persamaan pemikiran, aktiviti, tindakan, pandangan dan kemahuan remaja boleh dilihat dari maklum balas Paparan 1 hingga 5. Perinciannya, Paparan 1 dan 2 memperlihatkan aktiviti remaja apabila berdepan dengan internet, rata-rata melayari laman web yang sama iaitu *Facebook*, *twitter*, *Instagram* dan menggunakan media sosial bagi pelbagai tujuan interaksi, hiburan, belajar, mendapatkan maklumat dan sebagainya. Kekurangan jawapan kepada interaksi maya dan hiburan menunjukkan pada usia begini, remaja terpinggir berkongsi pemahaman yang hampir sama. Bertepatan dengan kajian Hamdi dan Samira (2015) yang merumuskan bahawa remaja berkongsi identiti dan sentiasa inginkan perhatian sosial sebagai lambang kepuasan remaja.

Bagi Paparan 3 dan 4, corak maklumbalas yang sama dapat diperhatikan bagi kumpulan remaja terpinggir yang berasal dari pelbagai negeri ini. Mereka mempunyai keupayaan dan pengetahuan teknologi yang terhad mungkin disebabkan kurang rasa ingin tahu atau mencuba, tiada ilmu dan kemahiran teknologi untuk mencuba sesuatu yang baru, dan kebanyakan mereka kurang atau tidak memahami keperluan laman web yang rata-rata menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar teknologi. Keadaan yang hampir sama ini boleh dilihat dalam perbincangan *citizen journalism* di Nigeria dimana bukan sahaja persoalan media yang menghalang hak belia untuk berpartisipasi tetapi ketidaktahuan ilmu dan kemahiran teknologi turut mengekang kebolehan warga belia menggunakan media sosial sebagai platform wartawan rakyat (Tsegyu, 2016).

Paparan 5 memperlihatkan corak kemahuan remaja yang jika diberi peluang mahu memaparkan isu atau perkara berdasarkan pengalaman sekeliling dan seharian mereka. Isu dadah, penagihan, jenayah, rempit, dan pergaulan bebas mendominasi pemikiran Generasi Y dan mereka bersedia berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai isu ini jika diberi peluang untuk menjadi wartawan warga. Perkongsian pengalaman mereka ini adalah penting bagi membantu kerajaan mengenalpasti akar umbi masalah yang sentiasa dalam kitaran alam remaja yang berlaku secara berulang-ulang dari tahun ke tahun.

Hujah Martin (2005) dan Geysel (2009) menonjolkan keupayaan positif remaja secara umum dengan kutipan data yang mempunyai populasi Generasi Y dalam suasana membangun di Barat dari segi pemodenan infrastruktur seperti kelengkapan teknologi dengan capaian internet di semua kawasan, literasi pendidikan dan kemahiran teknologi tinggi menjadi faktor yang membolehkan perkembangan remaja dan media secara relatif adalah proaktif di Barat berbanding dengan remaja terpinggir di negara yang sedang membangun. Maka andaian Martin (2005) dan Geysel (2009) boleh dicabar dan dipertikaikan dalam konteks remaja terpinggir mengikut perbezaan spatial, konstruktif dan mobilisasi sosial yang mempengaruhi perkembangan pemikiran dan pengalaman semasa mereka.

Tambahan lagi, penjelasan hasil dapatan ini menunjukkan bahawa golongan remaja mempunyai keinginan untuk maju tetapi mereka memerlukan pimpinan dan motivasi yang boleh menunjuk arah dan mentransformasikan keinginan tadi menjadi suatu yang memberi impak kepada diri belia, masyarakat dan negara. Perincian mengenai model memperkasa partisipasi belia boleh dipelajari daripada himpunan literatur dan kajian daripada Barat yang turut sama mengalami isu dan cabaran melibatkan golongan belia. Model pemerikasaan ini boleh digunapakai dengan diubahsuai mengikut konteks masyarakat multietnik yang sedia ada di Malaysia.

### MODEL MEMPERKASA PARTISIPASI BELIA

Menelusuri kajian lepas mengenai belia dan partisipasi, rata-rata perbincangan menonjolkan usaha bersifat program untuk belia yang berasaskan pemulihan dan pencegahan termasuk usaha memastikan belia menjauhi perkara yang tidak berfaedah. Mekanisme bersifat *risk-based preventive* dijadikan asas untuk membina generasi belia yang sihat serta membina penyertaan dalam masyarakat (Small, 2004; Rappaport, 1987). Namun begitu, pendekatan pencegahan semata-mata tidak berupaya menjamin perubahan peribadi dan tingkahlaku belia secara menyeluruh. Pelbagai usaha digiatkan bagi memastikan belia mempunyai daya saing yang tinggi dan menzahirkan penyertaan yang lebih berimpak kepada masyarakat. Maka perubahan kepada pendekatan belia ini boleh diperhatikan iaitu daripada model pencegahan kepada pemerksaan (Zimmerman, 2000; Jennings et al., 2006).

Model pemerksaan boleh wujud dalam beberapa peringkat iaitu individu, keluarga, organisasi dan komuniti. Pemerksaan ini adalah suatu proses berperingkat yang mahu perubahan menuju ke arah yang lebih baik. Di peringkat individu, pemerksaan ini menekankan keperluan meningkatkan jatidiri dan keyakinan diri di peringkat kapasiti sendiri. Di peringkat kapasiti sendiri, individu perlu memfokuskan usaha yang proaktif dengan mengintegrasikan kawalan diri dan berfikiran kritikal dalam melaksanakan pendekatan terhadap konteks sosial dan sekitaran. Pemerksaan kolektif pula berlaku dalam konteks keluarga, organisasi, dan komuniti yang melibatkan proses dan struktur menambahbaik kemahiran, memberi sokongan efektif, dan merubah kehidupan kolektif. Usaha ini secara tidak langsung memperkukuh jatidiri dan keyakinan individu secara peribadi, individu dalam keluarga, individu dalam organisasi dan pertalian individu ini sebagai ahli dalam masyarakat yang akhirnya berusaha mengekalkan kualiti kehidupan yang lebih baik (Jennings et al., 2006).

Model-model pemerksaan partisipasi belia ini boleh dikaji kelebihan dan kekurangan masing-masing. Pemahaman mengenai model-model ini boleh digunakan sebagai rujukan dan petunjuk bagi membina model yang lebih bersesuaian dengan demografi lokal. Pertama, model *Adolescent Empowerment Cycle* (Kitaran Pemerksaan Remaja) diperkenalkan oleh Chinman dan Linney (1998) adalah bersandarkan kepada pendekatan psikologi berobjektif pencegahan. Model ini berusaha mencegah remaja daripada rasa *inferior*, rasa ketiadaan peranan dalam masyarakat, dan menyediakan aktiviti meningkatkan keyakinan tentang kebolehan diri. Model ini menggalakkan hubungan sosial yang positif melalui penglibatan belia dalam institusi dan organisasi menerusi peluang-peluang yang disediakan untuk menambah dan meningkat kemahiran diri belia. Peningkatan kemahiran diri ini membawa dorongan positif untuk belia melalui proses pembentukan identiti diri yang lebih stabil, terpimpin, dan terarah. Contoh yang diberikan oleh Chinman dan Linney (1998) ialah aktiviti *mentoring* oleh pelajar senior dengan pelajar baru dengan pelajar senior diberi peranan memimpin dengan kemahiran berkomunikasi yang mantap. Namun begitu, kekurangan model ini ialah ia tidak menjelaskan bagaimana golongan dewasa membantu belia atau remaja dalam proses penglibatan proaktif dan positif di peringkat institusi atau organisasi.

Kedua, model *Youth Development and Empowerment* (Pembangunan Belia dan Pemerksaan) diperkenalkan oleh Kim (1998) bertujuan untuk membimbing inisiatif pemerksaan belia dalam konteks program pencegahan yang fokus kepada penyalahgunaan dadah. Program ini bergerak melepasi aspek risiko pencegahan semata-mata dengan

menekankan penglibatan belia dalam program perkhidmatan masyarakat. Model ini membawa bersama dimensi pemeraksanaan individu dan penglibatan komuniti dalam sifat rakan kongsi atau partnership. Teras utama model ini ialah memberi pengiktirafan bahawa belia adalah aset dan sumber penting yang perlu digemblengkan bersama dengan masyarakat. Model ini turut menekankan peri pentingnya sokongan dan prihatin golongan dewasa bagi menjayakan partisipasi belia dalam program pencegahan salahguna dadah atau bahan terlarang. Penglibatan langsung belia dalam masyarakat membina peluang kepada belia untuk mempelajari kemahiran hidup seraya matang dan menambah keyakinan diri.

Model ini turut menyarankan agar golongan dewasa menjadi pembimbing belia dan berperanan sebagai fasilitator di samping menggalakkan belia menjadi pemimpin rakan sebaya dalam menjalankan aktiviti projek belia dan masyarakat ini. Sumbangan belia dinilai setelah sesebuah projek masyarakat selesai dilaksanakan termasuk kriteria usaha, strategi, halatuju, dan pengiktirafan. Penglibatan sebegini membolehkan ruang untuk membina hubungan belia dan golongan masyarakat yang lebih positif di samping memberi ruang kepada golongan belia berfikir secara kreatif untuk menyelesaikan isu belia terutama sekali penyalahgunaan dadah atau bahan terlarang. Contoh pelaksanaan model ini ialah dengan melihat partisipasi belia dalam khidmat masyarakat sebagai wakil kepada rakan kongsi organisasi sosial. Organisasi ini berperanan sebagai penaja yang menyediakan bantuan sumber, nasihat pakar, kemahiran kepada kumpulan belia yang dilantik bagi melaksanakan projek belia dan masyarakat. Kumpulan ini dilatih dan dibimbing oleh golongan dewasa yang berpengalaman untuk memantapkan kemahiran berpasukan, berkomunikasi, menyelesaikan masalah, dan kemahiran *interpersonal*. Gabungan kumpulan dewasa dan belia ini boleh menggerakkan kempen anti-rokok, anti-dadah, amalan hidup sihat dan mempromosikan keyakinan diri untuk menolak pengaruh *gangsterism*.

Kelangsungan partisipasi belia dalam model projek sebegini memberi ruang kepada kumpulan belia membiasakan diri dengan tanggungjawab melaksana agenda projek yang telah dibina dengan bimbingan golongan dewasa dan turut menghantar maklumat penting kepada masyarakat bahawa golongan belia ini jika diberi tanggungjawab mereka boleh melaksanakannya dengan berjaya. Hubungan rakan kongsi antara kumpulan remaja dan dewasa yang bersama melaksanakan projek ini turut bersifat dinamik serta membantu remaja mempraktikkan kemahiran merancang, merekacipta, dan bekerjasama sambil menggalas tanggungjawab melaksanakan projek khidmat masyarakat ini. Peluang ini juga membantu organisasi menyerap remaja yang berpotensi untuk bekerja di agensi yang menaja projek remaja dan masyarakat.

Ketiga, model *Transactional Partnering* diperkenalkan oleh Cargo (2003) yang memfokuskan keterlibatan belia dalam program mempromosi kualiti hidup sihat bersama masyarakat setempat. Model ini mengambil contoh kumpulan profesional yang menyokong partisipasi belia bagi membantu golongan profesional ini menilai amalan hidup seharian masyarakat setempat. Model ini telah dilaksanakan di Kanada dan konsep model ini ialah proses bersama transaksi rakan kongsi antara golongan profesional dan belia bersama membantu memantau dan menilai cara dan amalan hidup masyarakat setempat. Strategi yang digunakan termasuk mengajar, membimbing, menyelia dan mengambil data maklum balas orang ramai mengenai cara dan amalan hidup seharian mereka dengan perkhidmatan kesihatan

yang disediakan oleh kerajaan. Penglibatan belia dalam projek ini bertujuan memberi pendedahan kepada belia terhadap aspek kesihatan sejagat dan keselamatan sekitaran. Hasil aktiviti sebegini adalah suatu proses pembelajaran dan pengalaman bagi belia untuk memperkasa diri mereka.

Keempat, model *Empowerment Education* ini diperkenalkan oleh Wallerstein et al (2005) di Brasil dengan merujuk kepada konsep praksis kritikal sosial yang dibawa oleh Freire (1970). Model ini memaparkan usaha memperkasa belia menerusi pendidikan konsep praksis kritikal sosial termasuk mendengar, berdialog, maklumbalas kritikal, dan tindakan refleksi. Konsep praksis kritikal sosial ini mahukan liberalisasi terhadap pendidikan yang membolehkan belia terlibat dalam projek literasi terhadap kesihatan komuniti. Pembangunan sosial menerusi pendidikan ini menyuburkan rasa empati belia dengan keadaan masyarakat sekeliling terutama bagi golongan miskin yang serba kekurangan. Program ini menyediakan aktiviti yang memberi peluang kepada belia untuk mendengar-berdialog-bertindak-melakukan refleksi dengan golongan sasaran yang menerima rawatan di hospital kesihatan. Golongan sasaran ini termasuk bekas banduan yang juga penagih dadah, pesakit HIV, dan golongan ketagihan alkohol dan mereka berisiko tinggi dengan pelbagai jangkitan penyakit. Program ini melatih belia terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti untuk merakamkan naratif golongan sasaran dan berdiskusi secara informal mengenai pengalaman peribadi, sosial, perubatan, dan kesan perundangan. Projek temubual ini adalah strategi yang berkesan untuk membantu golongan belia mendapatkan pengalaman golongan sasaran sebagai iktibar dan menggalakkan mereka membuat pilihan yang sihat mengenai diri dan kehidupan. Pengalaman melalui pendedahan dan perkongsian naratif dengan golongan sasaran ini juga bertujuan mempromosikan belia untuk memperkasa projek masyarakat dengan penghasilan video tentang kesan penyalahgunaan dadah terhadap kesihatan diri yang boleh digunakan sebagai sumber pendidikan atau program televisyen sebagai saluran mendidik masyarakat.

Kelima, model pemerksaan kritikal ini diperkenalkan oleh Jennings et al. (2006) menyarankan proses kebangkitan komuniti dan keadilan sosial. Pemerksaan belia harus melibatkan proses dan konteks penyertaan dan penglibatan yang bertujuan mengubah organisasi, institusi, dasar kerajaan, nilai, norma dan imej masyarakat. Model pemerksaan ini bertujuan menyokong penyertaan dan penglibatan belia dalam definisi rutin harian yang mengukuhkan ikatan pembangunan dan keharmonian masyarakat. Model pemerksaan ini diusahakan dengan enam kunci utama iaitu:

- i) *Mewujudkan suasana selamat dan mendorong penggalakan penglibatan proaktif belia.*

Dalam konteks ini golongan belia digalakkan untuk mengekspresi idea dan kreativiti dalam proses membuat keputusan serta bersedia mencuba bidang baru, mengasah kemahiran baru serta bangkit menyahut cabaran dalam melaksanakan projek khidmat masyarakat yang mahu dilaksanakan. Suasana selamat dan mendorong ini amat penting bagi menyediakan rasa keyakinan di kalangan belia dan melihat penglibatan mereka dalam sesuatu projek adalah pengalaman yang menghiburkan di samping memberi pengetahuan dan kemahiran baru. Belia harus boleh merasakan bahawa 'sense of

ownership' iaitu rasa pemilikan terhadap sesuatu projek yang diusahakan dan lebih bertanggungjawab. Keadaan yang selamat dan mendorong juga membantu belia untuk keluar dari zon selesa dan bersedia menggalas tanggungjawab.

ii) *Merekacipta aktiviti yang memberi penyertaan dan penglibatan yang berimpak tinggi.*

Peluang untuk turut serta dan terlibat dalam aktiviti khidmat masyarakat yang berimpak tinggi adalah usaha untuk memperkasa golongan belia bahawa penyertaan dan penglibatan mereka akan memberi sumbangan besar kepada masyarakat. Golongan dewasa menerusi organisasi atau institusi harus lebih kreatif untuk merekacipta aktiviti yang meninggalkan kesan besar di hati belia dan masyarakat. Aktiviti ini harus menyediakan peluang kepada belia untuk mempelajari kemahiran merancang, mengurus, berkomunikasi, berinteraksi, mempromosi dengan belia memegang pelbagai peranan dan tanggungjawab. Keadaan ini mencipta cabaran kepada belia dan mereka boleh merasakan pengalaman penyertaan dan penglibatan berlaku secara realistik serta memberi manfaat kepada diri dan masyarakat. Penyertaan dan penglibatan yang berimpak adalah suatu yang melepasi konteks sekadar hadir dalam aktiviti khidmat masyarakat tetapi tidak menggalas apa-apa peranan atau tanggungjawab kata perbuatan iaitu 'bertindak dan melakukan'.

iii) *Mendorong perkongsian kuasa yang setara antara golongan belia dan golongan dewasa yang menjalankan projek khidmat masyarakat bersama.*

Kata kunci ketiga ini fokus kepada usaha untuk melestarikan proses membuat keputusan yang memberi peluang penglibatan setara kepada golongan belia. Perkongsian kuasa ini boleh dilakukan dengan melantik belia sebagai ahli dalam Jawatan Kuasa projek. Pemandangan kuasa daripada golongan dewasa yang memimpin kepada golongan belia boleh dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti yang bersifat terarah, tersusun dan terancang. Golongan dewasa perlu menggerakkan inisiatif dengan tidak bersifat dominasi terhadap sesuatu projek tetapi memberi ruang dan peluang kepada belia untuk tampil ke hadapan. Golongan pemimpin dewasa harus bersedia memberi tunjuk ajar dan sokongan bagi meyakinkan golongan belia bahawa mereka mampu menggalas tanggungjawab ini. Usaha mengekalkan hubungan rapat antara golongan dewasa dan belia ini perlu diperkukuh sepanjang masa kerana perbezaan usia, himpunan pengalaman dan kemahiran membina jurang untuk saling memahami. Perkongsian kuasa yang setara dilihat membantu menanam rasa kepercayaan dalam diri masing-masing dan berusaha untuk saling mendokong ibarat 'aur dengan tebing.'

- iv) *Penglibatan kritikal belia dalam membina kemahiran interpersonal.*  
Tugas belia untuk mentransformasi kehidupan masyarakat atau komuniti tertentu adalah kritikal dalam membina kemahiran *interpersonal* belia. Penyertaan dan penglibatan belia memberi pengalaman sebenar tentang proses sosial, nilai dan praktik masyarakat yang perlu difahami belia. Sifat dan sikap kritikal belia boleh diibaratkan jika masyarakat setempat kurang menjaga kebersihan alam sekitar, sifat dan sikap kritikal belia dicaknakan dengan melaksanakan projek gotong-royong, kempen kebersihan, kesan pencemaran terhadap kesihatan masyarakat dan alam sekitar. Aktiviti-aktiviti sebegini diharap dapat merubah amalan dan nilai semasa masyarakat. Golongan belia boleh membimbing masyarakat dengan ilmu dan kemahiran dengan menjadikan diri mereka contoh kepada praktis nilai dan amalan murni.
- v) *Partisipasi belia dalam proses sosio-politik untuk membawa perubahan atau transformasi.*  
Penglibatan belia dalam masyarakat dalam aspek pemerksaan ialah keupayaan penglibatan ini membawa perubahan sosial. Projek khidmat masyarakat ini harus mendorong belia melakukan perubahan sosial yang membawa impak yang besar selain daripada memberi khidmat kepada masyarakat. Misalnya, belia yang berkhidmat sebagai pembantu pengajar turut berusaha menambah bilangan kadar celik huruf dalam kalangan masyarakat terpinggir dan mencipta inovasi bagi merubah status kemiskinan masyarakat ini. Misalnya, golongan remaja membuka Pusat Celik Huruf Belia yang mempunyai impak secara tidak langsung untuk mengubah keadaan sistemik masyarakat iaitu kemiskinan.
- vi) *Mengintegrasikan individu dan komuniti dengan pemerksaan berperingkat.*  
Model pemerksaan yang efektif ialah model yang berupaya mengintegrasikan peluang dan dapatan yang positif dalam kalangan individu dan masyarakat. Projek pemerksaan belia harus terangkum peluang-peluang untuk mengubah nilai, norma dan paradigma yang melibatkan pemerksaan berperingkat. Peringkat awal harus menekankan aspek pembelajaran dan latihan bagi meningkatkan kemahiran yang harus dibimbing oleh golongan belia yang berpengalaman. Proses pemerksaan berperingkat ini membuka peluang untuk belia mempelajari akses kepada sumber, bersikap tolak ansur dalam suasana kepelbagaian, dan memahami struktur urustadbir kerajaan dan juga pihak swasta yang mendokong usaha pemerksaan belia dan masyarakat. Pemerksaan berperingkat juga membolehkan belia dan masyarakat mendepani permintaan perubahan masyarakat yang kompleks dengan lebih terbuka dan tidak tergesa-gesa semata-mata mahukan perubahan. Setiap proses dan peringkat dalam masyarakat dinilai dengan mengambil kira perkara-perkara yang melibatkan

risiko yang bakal dihadapi atas nama perubahan. Langkah ini membantu pihak berkepentingan menyediakan pencegahan awal bagi mengurangkan risiko penolakan daripada masyarakat.

Secara amnya, pemerksaan atau *empowerment* mempunyai ciri-ciri konstruktif berperingkat iaitu pendekatan praktikal, aplikasi, proses tindakan sosial, *outcomes* yang terhasil daripada individu atau kolektif. Pemerksaan dalam kata lain merujuk individu, keluarga, organisasi, dan komuniti yang mempunyai kuasa untuk merubah kehidupan kearah yang lebih berkualiti dan harmonis. Model pemerksaan partisipasi belia dan masyarakat ini terdiri daripada beberapa bentuk dan pemahaman yang setiap satunya membantu menunjuk arah yang lebih berkesan dalam merangka aktiviti belia dan Dasar Belia Negara.

#### IMPAK PEMERKASAAN

Mengambil kira kepada model memperksa partisipasi belia dan enam dimensi utama dalam memperihalkan usaha memperksa ini, beberapa kebaikan hasil daripada integrasi model dan dimensi ini boleh diketengahkan seperti yang berikut:

- a) Aktiviti pemerksaan menekankan aspek pembinaan jatidiri individu belia dan dapat membantu meningkatkan kesedaran serta kecekapan diri. Di samping itu, turut membina nilai-nilai diri yang positif, kemahiran berinteraksi, keyakinan hubungan interpersonal, memahami operasi organisasi, dan menghargai makna kehidupan.
- b) Projek atau program pemerksaan juga memberi ruang dan peluang kepada golongan dewasa dan belia berkongsi masa bersama untuk menjayakan sesuatu projek. Mereka juga boleh belajar untuk saling bekerjasama, membina kepercayaan, saling mengenal pasti kelebihan dan kekurangan diri, menghargai nilai persahabatan dan kolaborasi yang dilakukan dengan lebih efisien dan efektif. Secara tidak langsung jurang generasi dapat dirapatkan.
- c) Penglibatan bersama komuniti memberi manfaat integrasi sosial dan kelestarian untuk membina jaringan sosial yang meningkatkan kualiti persaingan dan kapasiti kerjasama. Nilai tambah kepada penglibatan ini turut menanam rasa menghargai kepelbagaian perspektif yang dilahirkan oleh individu dalam masyarakat.
- d) Kapasiti dan peluang yang disediakan dalam model pemerksaan ini juga meletakkan golongan belia sebagai tonggak mempromosikan kemahiran diri dengan pemberian akses, penglibatan dan kuasa setara kepada mereka untuk menggembelngkan idea dan tenaga menjayakan projek bersama masyarakat ini. Kelebihan ini adalah kekuatan yang dicipta untuk golongan belia berani tampil ke hadapan bagi memimpin belia dan masyarakat.
- e) Rangka konsep dalam program pemerksaan juga menjadi panduan mengenai kaedah mendepani struktur masyarakat yang berlapis dan pelbagai.

Namun begitu progres menilai keberjayaan model pemerksaan ini harus mengambil kira pembangunan global dan konteks masyarakat yang sudah pasti mempunyai pelbagai rencam. Metodologi pengukuran juga harus memikirkan teknik semakan berkala dan posisi pemeriksaan yang pelbagai bagi membolehkan model pemerksaan dan enam dimensi utama ini boleh disebar luas penggunaannya. Apa yang penting ialah penyertaan dan penglibatan belia yang aktif dalam proses merecipta, pelaksanaan, analisis dan penilaian harus diintegrasikan secara menyeluruh dan konsisten melibatkan agensi kerajaan, swasta dan komuniti.

#### KESIMPULAN

Usaha mewujudkan platform bagi memperksa belia terpinggir adalah asas penting untuk melahirkan modal insan yang mempunyai kematangan berfikir, jati diri dan kemahiran teknologi agar mereka dapat bergerak sederap dengan perubahan sekitaran yang positif. Partisipasi belia dan media masih lagi terhad dengan adanya kekangan infrastruktur fizikal dan kemahiran bahasa teknologi yang menuntut pendedahan ilmu dan pengetahuan menerusi aktiviti bersama belia. Dasar Belia Malaysia (2015) yang berteraskan pembangunan sejagat boleh dimanfaatkan sepenuhnya melalui program latihan kemahiran dalam pelbagai aspek bagi membolehkan usaha memperksa belia terpinggir direalisasikan secara berperingkat. Tambahan lagi perbincangan teori *relational* membuktikan bahawa usaha pemerksaan harus mengambil kira indikator seperti spatial, konstruktif dan mobilisasi sosial remaja setempat bagi merecipta program yang bersesuaian dengan keupayaan dan keperluan golongan remaja terpinggir ini.

#### PENGHARGAAN

Terima kasih kepada LRGS Media dan Partisipasi Belia Dalam Komuniti Terpinggir, Kod Penyelidikan 12988 (2014-2017) dan Geran Galakan Penyelidik (GGP-2017-008) yang membolehkan kajian ini direalisasikan.

#### BIODATA

*Kartini Aboo Talib @ Khalid* adalah Profesor Madya di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: k\_khalid@ukm.edu.my

*Norshuhada Shiratuddin* adalah Profesor di Sekolah Pengajian Siswazah Awang Had Salleh, Universiti Utara Malaysia. Email: shuhada@uum.edu.my

*Shahizan Hassan* adalah Profesor di Sekolah Pengajian Othman Yeop Abdullah, Universiti Utara Malaysia. Email: shahizan@uum.edu.my

*Zainatul Shuhaida Abdul Rahman* adalah pelajar siswazah di Universiti Utara Malaysia. Email: kembalikurnia@yahoo.com

*Nurul Labanihuda Abdul Rahman* adalah pelajar siswazah Universiti Utara Malaysia. Email: huda\_522264@yahoo.com



RUJUKAN

- Anderson, B. (2006). *Imagined communities*. Retrieved from [http://art.yale.edu/file\\_columns/0000/8647/anderson.pdf](http://art.yale.edu/file_columns/0000/8647/anderson.pdf)
- Buchner P., Bois-Reymond, M., & Krueger, H. H. (1995). Growing up in three european region. In L. Chisholm, P. Buchner, H. H. Krueger & M. Bois-Reymond (Eds.), *Growing up in Europe: Contemporary horizons in childhood and youth studies*. Berlin: Walter de Gruyter.
- Cargo, M., Grams, G. D., Ottoson, J. M., Ward, P., & Green, L. W. (2003). Empowerment as fostering positive youth development and citizenship. *American Journal of Health Behavior*, 27(Supplement 1), 66-79.
- Chinman, M. J., & Linney, J. A. (1998). Toward a model of adolescent empowerment: Theoretical and empirical evidence. *Journal of Primary Prevention*, 18, 393-413.
- Dasar Belia Malaysia. (2017). Diperolehi dari <http://www.kbs.gov.my/my/dasar-belia-malaysia>
- Freire, P. (1970). *The pedagogy of the oppressed*. New York: Seabury Press.
- Ganesan, A. S. (2012). *Consumption, spending and investment behavior of Malaysia generation Y* (Unpublished Master Thesis, Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampar, Malaysia).
- Geyzel, M. V. (2009). *Working with generation Y*. Diperolehi dari <http://vangeyzel.com/2009/08/20/working-with-gen-y/>
- Hamdi M. Adnan, & Samira Rahimi Mavi. (2015). Facebook satisfaction, life satisfaction: Malaysian ungergraduates experience. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 649-671.
- Heinz, W. R. (2000). Youth transition and employmen in Germany. *International Social Science Journal*, 52(164), 161-170.
- Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi. (2014). Diperolehi dari <http://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2015/05/1-DATA-ASAS-MALAYSIA1.pdf>
- Jennings, L. B., Parra-Medina, D. M., DeAnne, K. H. M., & Kerry, M. (2006). Toward a critical social theory of youth empowerment. *Journal of Community Practice*, 14(1/2), 31-55.
- Martin, C. A. (2005). *From high maintenance to high productivity: What managers need to know about generation Y*. Emerald Group Publishing Limited, 37(1), 39-44.
- Mayer, J. D., Caruso, D. R., & Salovey, P. (2001). Emotional intelligence meets traditional standards for an intelligence. *Intelligence*, 27(4), 267-298.
- McAllum, M. (2014). *Why we are at the start of a third industrial revolution*. Retrieved from [https://federation.edu.au/\\_\\_data/assets/pdf\\_file/0008/238382/The-Third-Industrial-Revolution.pdf](https://federation.edu.au/__data/assets/pdf_file/0008/238382/The-Third-Industrial-Revolution.pdf)
- Mokyr, J. (1998). The second industrial revolution (1870-1914). Retrieved from <https://pdfs.semanticscholar.org/769c/a06c2ea1ab122e0e2a37099be00e3c11dd52.pdf>
- Norsiah Abdul Hamid, Mohd Sobhi Ishak, & Norhafezah Yusof. (2016). Assessing validity and reliability of social media as an empowerment tool for a group at risk in Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 73-86.
- Rifkin, J. (2011). *The third industrial revolution*. USA: Palgrave MacMillan.
- Rifkin, J. (2014). *The zero marginal cost society*. USA: Palgrave MacMillan.

- Rozmi Ismail. (2007). *Personaliti dan salah laku di kalangan mat rempit*. A Report Submitted to the Malaysian Institute for Research in Youth Development.
- Samsudin, R. A. (1995). *Tingkah laku Lepak di kalangan belia*. A research Report Submitted to the Ministry of Youth and Sport, Malaysia.
- Schwab, K. (2017). *The fourth industrial revolution*. New York: Crown Business. Retrieved from <https://www.weforum.org/about/the-fourth-industrial-revolution-by-klaus-schwab>
- Storck, M. (2011). *The role of social media in political mobilisation: A case study of the January 2011 Egyptian uprising* (Dissertation, University of St. Andrews, Scotland). Retrieved from [http://www.culturaldiplomacy.org/academy/content/pdf/participant-papers/2012-02-bifef/The\\_Role\\_of\\_Social\\_Media\\_in\\_Political\\_Mobilisation\\_-\\_Madeline\\_Storck.pdf](http://www.culturaldiplomacy.org/academy/content/pdf/participant-papers/2012-02-bifef/The_Role_of_Social_Media_in_Political_Mobilisation_-_Madeline_Storck.pdf)
- Sulaiman Md. Yassin, Hayrol Azril Mohamed Shaffril, Azimi Hamzah, & Khairuddin Idris. (2018). Assessing rural youth sustainable livelihood in Malaysia. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.*, 26(T), 1-18.
- Tsegyu, S. (2016). Citizen journalism and election monitoring in Nigeria. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 491-517.
- United Nation. (2017). *Definition of youth*. Retrieved from <http://www.un.org/esa/socdev/documents/youth/fact-sheets/youth-definition.pdf>
- White, R., & Wyn, J. (2013). *Youth and society*. South Melbourne: Oxford University Press.
- Wyn, J., & White, R. (1997). *Rethinking youth*. St Leonards: Allen and Unwin.
- Wallerstein, N., Sanchez-Merki, V., & Verlade, L. (2005). Freirian praxis in health education and community organizing: A case study of an adolescent prevention program. In M. Minkler (Ed.). *Community organizing and community building for health (2nd ed.)*. New Brunswick, NJ: Rutgers University Press.
- Zimmerman, M. A. (2000). Empowerment theory: Psychological, organizational and community levels of analysis. In J. R. E. Seidmann (Ed.), *Handbook of community psychology*. New York: Kluwer Academic/Plenum.